

Rakyat sebagai 'media bergerak' kepada negara

Tanggungjawab rakyat lebih besar berbanding setengah media dalam menyampaikan maklumat, pendapat dan fikiran bagi memastikan keadaan negara terkawal dan selamat daripada ancaman luar.

Laporan media asing

Kejadian pencerobohan di timur Sabah membuktikan jati diri rakyat mempertahankan negara. Berbeza sesetengah media asing yang sengaja membuat laporan tidak tepat.

Perkara ini membawa kepada kekeliruan seterusnya membuatkan segelintir rakyat terpengaruh dengan kha-

bar angin. Contohnya, ketika media Filipina melaporkan mengenai tindakan keterluan pihak keselamatan Malaysia terhadap rakyat masyarakat Sulu di Sabah, ia bercanggah dengan laporan media tempatan yang menunjukkan pihak keselamatan menjalankan tugas dengan baik.

Keadaan ini menimbulkan persoalan kepada kita di manakah keprihatinan dan tanggungjawab rakyat ketika negara amat memerlukan pertolongan dan bantuan? Adakah kita hanya mengharapkan laporan yang tidak diketahui kesahihannya? Ada-

kah dengan hanya mengharapkan pasukan keselamatan seperti polis dan askar sudah cukup untuk menangani isu keganasan ini?

Kita perlu tahu apa yang dimaksudkan dengan rakyat sebagai 'media bergerak' kepada negara.

Media berasal daripada bahasa Latin iaitu bentuk jamak daripada 'medium' yang secara harfiahnya bererti perantara atau pengantar, iaitu perantara atau pengantar terjadinya komunikasi daripada pengirim menuju penerima.

Association of Education and Communication Technology (AECT) pula mentakrifkan media sebagai segala bentuk dan saluran yang digunakan untuk menyampaikan pesan atau maklumat.

Justeru, dapat kita takrifkan di sini bahawa media bergerak

adalah medium kepada negara untuk mendapatkan maklumat berkenaan semua perkara yang berlaku dalam negara.

Selain itu media bergerak memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dengan memberikan pendapat dan pandangan yang bernas kepada kerajaan.

Kerjasama, sokongan kepada negara

Realitinya, rakyat perlu memberikan kerjasama dan sokongan kepada negara dalam menghadapi dan menangani masalah. Tidak kira sekecil manapun sumbangan kita, ia akan dianggap berjasa kepada negara.

Nurul Hafizatul Akhma Abdul Aziz

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM